

27 JUL 2003

RAFIDAH-THAILAND/I

RAFIDAH:PERLUNYA DASAR INTRA ASEAN YANG BOLEH DIGUNA PAKAI MERENTASI SEMPADAN

Oleh: Wan Nurzila Wan Abdul Rahman

LANGKAWI, 27 Julai (Bernama) -- Kerajaan Asean perlu menguatkan lagi usaha dalam menghasilkan dasar-dasar antara serantau yang boleh diguna pakai merentasi sempadan bagi meningkatkan peluang-peluang aliran bersilang perdagangan dan pelaburan.

Dalam membuat saranan ini, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata, dasar-dasar ini mestilah antara lainnya, memasukkan elemen-elemen perlu "prioriti Asean" dan "Layanan Keutamaan Asean".

Beliau memberi contoh bagaimana kekuatan daya saing boleh dicapai menerusi perkongsian pengetahuan, usaha penyelidikan dan pembangunan yang sinergistik, usaha bersama berhubung pembangunan teknologi-teknologi baru dan usaha bersama terhadap pengeluaran berskala besar dan kerjasama dalam pemasaran.

"Kita juga perlukan jenama-jenama Asean yang kukuh dengan disokong oleh mutu, kebolehpercayaan dan harga yang kompetitif. Pada masa yang sama anggota-anggota Asean perlu menguna pakai pendekatan yang sama untuk membina kapasiti ke tahap yang lebih tinggi," kata beliau.

Rafidah berkata demikian ketika berucap kepada lebih daripada 300 peserta yang terdiri daripada perwakilan sektor awam dan swasta dari Malaysia dan Thailand pada majlis Dialog Perkongsian Perniagaan Teknologi Malaysia-Thailand mulai 27-28 Julai, di sini.

Dialog itu diadakan bersempena dengan perbincangan dua hala antara menteri-menteri kabinet utama dari kedua-dua buah negara yang diketuai oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri Thailand Thaksin Shinawatra.

Bagaimanapun, beliau bimbang yang sektor swasta Asean tidak mampu untuk menunggu petunjuk dan arah tuju daripada kerajaan Asean dan sektor awam masing-masing mengenai cara untuk memperbanyakkan lagi integrasi.

Bagi menjadikan integrasi ekonomi Asean satu realiti, beliau berkata sektor swasta Asean juga harus memainkan peranan dalam memacu proses integrasi ke hadapan.

"Ahli-ahli perniagaan Aseanlah yang sepatutnya meninjau secara aktif bidang-bidang utama yang mana syarikat dan industri Asean dapat merasai kesan dan manfaat bersama."

Beliau berkata komuniti perniagaan Asean patut melihat kepada perlunya kerjasama antara industri dan syarikat, didorong oleh keperluan untuk terus hidup di dalam dunia yang semakin kompetitif.

"Asean, secara sendirinya merupakan pasaran yang besar dengan sumber nyatanya boleh dimobilisasi dan digunakan dalam lingkungan rantau ini," kata beliau.

Dalam tahun 2001, jumlah perdagangan intra-Asean ialah US\$152 bilion (RM577.6 juta), menguasai hanya 22.1 peratus daripada jumlah dagangan Asean sementara jumlah dagangan intra Kesatuan Eropah pula menguasai 70 peratus daripada dagangan global komuniti itu.

Dalam tempoh jangka panjang, beliau berkata tujuan utama patut menjurus kepada merangsangkan potensi Asean bagi perdagangan intra-Asean dan pelaburan beraliran silang di samping menjadikan Asean pangkalan pengeluaran berkompetitif tinggi untuk menampung pasaran global.

Beliau juga menasihati ahli perniagaan Asean supaya mengatur strategi dalam usaha memastikan mereka akan terus kukuh, dan yang penting menyaksikan pasaran-pasaran mereka berkembang melangkaui rantau ini

sendiri.

Oleh yang demikian, pendekatan-pendekatan ke arah integrasi teknologi dan ekonomi akan membuka lebih banyak peluang untuk meningkatkan perdagangan dan aliran pelaburan sedemikian, jika ia bersifat pragmatik dan memacu pasaran, kata Rafidah.

Sehingga ini, inisiatif untuk integrasi ekonomi hanya lebih kepada pertumbuhan yang dipacu oleh sektor awam dengan kerajaan-kerjaan Asean menjadi teraju untuk merumus dan melaksanakan langkah-langkah polis dan program yang bertujuan merangsangkan lagi potensi ekonomi, kata beliau.

"Soalannya, bolehkah integrasi ekonomi yang lebih meluas diberikan memandangkan setiap negara bersaing di antara satu sama lain untuk pelaburan dan pasaran yang sama?", kata beliau.

Beliau berkata bekerja dengan pesaing dalam konteks serantau boleh meningkatkan daya tahan dan kekuatan ekonomi nasional, di samping mengatur strategi pendekatan-pendekatan ke arah integrasi dalam aktiviti-aktiviti ekonomi utama boleh menyumbang kepada nilai ditambah usaha-usaha ekonomi individu.

Selain daripada itu, beliau berkata komuniti perniagaan Thailand dan Malaysia patut meneruskan usaha-usaha bersama dalam meninjau sinergi ekonomi dan menjalin rangkaian yang efektif dengan negara-negara ketiga seperti China, Jepun dan Korea Selatan.

Sementara itu, dalam sesi soal-jawab, Rafidah berkata syarikat-syarikat yang terlibat dalam industri automotif dari kedua-dua negara patut mengenyahkan perbezaan mereka dan membincangkan bidang-bidang berpotensi yang boleh diceburi melangkaui pasaran masing-masing.

"Saya tidak tahu mengapa mereka tidak boleh duduk dan berbincang dan bersama-sama menggunakan keupayaan masing-masing dalam menguasai pasaran yang lebih besar," kata beliau.

Dalam pada itu, Menteri Sains dan Teknologi Thailand, Phinij Jarusombat mempelawa syarikat-syarikat Malaysia mengambil bahagian di dalam pembangunan teknologi dan perkhidmatan di Thailand.

Beliau berkata pada masa ini, Thailand sedang memajukan rangkaian yang berpengkhususan dalam keupayaan sains dan teknologi seperti dalam bidang-bidang tenaga solar, geo-maklumat, elektronik dan komputer. --

BERNAMA

WNZ MR AA